

PENILAIAN PERISIAN FONIK BAHASA INGGERIS *COME AND READ, SAYANG!* SEBAGAI BAHAN BANTU MENGAJAR GURU PRASEKOLAH

The Evaluation of Come and Read, Sayang! English Phonic Software as Teaching Aid to the Preschool Teachers

Mastura Abdullah^{1*}, Nor Mashitah Mohd Radzi², Azizah Zain³

¹SK Chengal Lempong, Kuantan, Pahang, Malaysia

^{2,3}Jabatan Pendidikan Awal Kanak-kanak, Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, Malaysia

²Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-kanak Negara, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, Malaysia

danishiny21@yahoo.com¹, normashitah@fpm.upsi.edu.my², azizah.zain@fpm.upsi.edu.my³

***Corresponding Author**

Received: 18 Mac 2021; **Accepted:** 22 April 2021; **Published:** 30 April 2021

To cite this article (APA): Abdullah, M., Mohd Radzi, N. M., & Zain, A. (2021). Penilaian perisian fonik bahasa Inggeris *Come and Read, Sayang!* sebagai bahan bantu mengajar guru prasekolah. *Southeast Asia Early Childhood Journal*, 10(1), 72-85. <https://doi.org/10.37134/saecj.vol10.1.7.2021>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/saecj.vol10.1.7.2021>

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk menilai perisian fonik Bahasa Inggeris *Come and Read, Sayang!* sebagai bahan bantu mengajar guru prasekolah. Pembangunan dan penilaian perisian ini dilaksanakan dengan berpandukan Model Instruksional ADDIE yang terdiri daripada Fasa *Analysis*, Fasa *Design*, Fasa *Development*, Fasa *Implementation* dan Fasa *Evaluation*, manakala Model *Bottom Up* pula digunakan sebagai panduan untuk membangunkan kandungan pembelajaran perisian. Penyelidikan berbentuk kuantitatif digunakan untuk mengumpul data daripada responden iaitu di bawah Fasa Pelaksanaan. Instrumen soal selidik kebolegunaan digunakan untuk mengumpulkan data tentang kebolegunaan perisian sebagai bahan bantu mengajar guru prasekolah. Seramai 34 orang guru prasekolah daripada Zon Juara di dalam Daerah Kuantan telah terlibat sebagai responden untuk menguji kebolegunaan perisian menerusi Ujian Kebolegunaan di bawah Fasa Pelaksanaan. Responden ini dipilih menerusi teknik pensampelan bertujuan. Instrumen soal selidik ini telah disahkan oleh lima orang pakar dengan indeks kesahan .82. Nilai pekali alpha bagi instrumen penilaian kebolegunaan pula ialah di antara .92-.99. Dengan menggunakan perisian ini, pengguna boleh mengaplikasikan kemahiran fonik untuk menyebut perkataan. Justeru, ia menepati standard Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) (Semakan 2017). Implikasi dari sudut metodologi, pematuhan ke atas lima fasa Model Reka Bentuk Instruksional ADDIE telah berjaya membantu pengkaji menghasilkan sebuah perisian fonik Bahasa Inggeris yang boleh digunakan sebagai bahan bantu mengajar yang berkualiti dan menepati KSPK.

Kata Kunci: pembangunan, penilaian, perisian, fonik bahasa Inggeris, bahan bantu mengajar, guru prasekolah

ABSTRACT

This study was conducted with the aim of developing and evaluating Come and Read, Sayang! English phonics software as a teaching aid for preschool teachers. The development and evaluation of this software is implemented based on the ADDIE Instructional Model which consists of Analysis Phase, Design Phase, Development Phase, Implementation Phase and Evaluation Phase, while the Bottom Up Model is used as a guide to develop software learning content. Quantitative research was used to collect data from respondents under the Implementation Phase. The Usability questionnaire was used as an instrument to collect data on the usability of the software as a teaching aid for preschool teachers. A total of 34 preschool teachers from Zon Juara in Daerah Kuantan were involved as respondents to test the usability of the software through Usability Test under the Implementation Phase. These respondents were selected through purposive sampling technique. The content of the questionnaire was validated by five experts with a validity index of .82. The alpha coefficients for the usability assessment are between .92-.99. By using this software, users can apply phonics skills to pronounce words. Thus, it meets the standards of Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) (Revised 2017). Implications from a methodological point of view, adherence to the five phases of the ADDIE Instructional Design Model has successfully helped researchers to produce an English phonics software that can be used as a quality teaching aid and complies with the KSPK.

Keywords: *development, evaluation, software, English phonics, teaching aids, preschool teachers*

PENGENALAN

Pendidikan prasekolah merupakan satu program yang menyediakan pengalaman pembelajaran kepada murid yang berumur 4 hingga 6 tahun. Tempoh pembelajaran program ini adalah selama satu tahun atau lebih sebelum murid memasuki Tahun Satu. Di prasekolah, murid didedahkan dengan asas persekolahan yang melibatkan kemahiran membaca, menulis, mengira dan menaakul. Asas kemahiran ini dikenali sebagai Kemahiran 4M (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2012)

Keempat-empat kemahiran asas ini merupakan matlamat pendidikan yang penting untuk dicapai. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya memberi tumpuan kepada penguasaan kemahiran membaca. Keupayaan membaca ini penting kerana ia akan membuka dunia dan peluang baharu kepada seseorang individu. Keupayaan membaca juga akan membolehkan seseorang individu memperolehi pengetahuan baharu, menikmati karya sastera, dan melakukan pelbagai aktiviti harian seperti membaca akhbar, senarai program televisyen, peta dan lain-lain (Pang *et al.*, 2003).

Justeru, kajian ini dilaksanakan untuk membangunkan sebuah perisian fonik yang boleh digunakan sebagai bahan bantu mengajar guru prasekolah. Perisian ini diberi nama *Come and Read, Sayang!* yang menggunakan model *Bottom-Up* iaitu pendekatan membaca yang bermula dari unit paling kecil (gabungan huruf dan bunyi) kepada unit yang paling besar sebagai kandungan perisian, manakala model Instruksional ADDIE pula digunakan sebagai panduan untuk membangunkan perisian ini. Pembangunan perisian ini diharap dapat menggalakkan pembelajaran Bahasa Inggeris, khususnya kemahiran membaca murid-murid prasekolah.

Latar Belakang Kajian

Di Malaysia, pengajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua telah diajar bermula di peringkat prasekolah lagi. Malah, ia dirangka secara terperinci di dalam Kurikulum Standard

Prasekolah Kebangsaan sejak prasekolah mula diperkenalkan pada tahun 1993 lagi. Kurikulum juga sentiasa melalui semakan sehinggalah Bahagian Pembangunan Kurikulum memperkenalkan KSPK (semakan 2017) (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2016). Terdapat beberapa objektif yang perlu dicapai prasekolah di bawah pembelajaran Bahasa Inggeris di prasekolah, iaitu:

- i) mendengar dan memberi respons dengan menggunakan respons lisan dan bukan lisan.
- ii) berkomunikasi dengan menggunakan ayat mudah secara bertatasusila.
- iii) membaca dan memahami ayat mudah.
- iv) menulis perkataan dan frasa.

Fokus kajian ini ialah objektif ketiga, iaitu membaca dan memahami ayat-ayat mudah. Kemahiran ini dipilih sepadan dengan kajian Marlina (2018) menyatakan bahawa ramai guru ingin belajar pengetahuan tentang teori dan amalan pengajaran kemahiran reseptif (kemahiran mendengar dan kemahiran membaca) dan kemahiran produktif (kemahiran bertutur dan kemahiran menulis). Keinginan ini adalah kerana mereka ingin mengembangkan strategi pedagogi yang lebih berkesan untuk mengajar kemahiran berbahasa kepada prospek (murid-murid) yang sedang mempelajari Bahasa Inggeris (Marlina, 2018).

Sebagai seorang guru prasekolah, adalah menjadi tanggungjawab mereka untuk mengajar murid membaca ayat mudah di dalam Bahasa Inggeris kerana ia telah dinyatakan dengan jelas di dalam KSPK. Objektif ini dapat dicapai dengan menggunakan kaedah membaca yang sesuai dan berkesan. Kajian yang dijalankan oleh Marima (2016) telah mendedahkan bahawa majoriti guru prasekolah (90%) menggunakan kaedah fonik, diikuti oleh kaedah *whole-language* (10%). Kedua-dua kaedah ini paling popular untuk mengajar kemahiran membaca Bahasa Inggeris kepada murid prasekolah. Secara ringkasnya, kaedah fonik menekankan sebutan bunyi untuk menyebut perkataan. Ling-Ying (2014) menjelaskan pendekatan *Whole-language* sebagai pelajaran bermula daripada keseluruhan dan diikuti dengan bahagian yang lebih kecil.

Walaupun popular di luar negara, kaedah fonik sebenarnya baharu sahaja diperkenalkan di Malaysia. Perubahan kandungan kurikulum di peringkat prasekolah (Mohd Nazri & Wan Nurul Baizura, 2018) berlaku menerusi semakan KSPK pada tahun 2016 dan mula dilaksanakan pada tahun 2017. Pembaharuan Standard Pembelajaran yang dimaksudkan di atas dijelaskan seperti di dalam Jadual 1.1.

Jadual 1. 1
Standard Pembelajaran Kemahiran Membaca (Bahasa Inggeris) KSPK Semakan 2017

Content Standard	Learning Standard	
	4+	5+
BI 2.2 Sounds of letters to recognise words	Pupils are able to: BI 2.2.1 Recognise letters of the alphabet by their: Shape name BI 2.2.2 Recognise small letters of the alphabet BI 2.2.3 Recognise capital letters of the alphabet.	Pupils are able to: BI 2.2.5 Recognise and sound out letters of the alphabet. BI 2.2.6 Recognise and sound out initial, medial and ending sound in a word. BI 2.2.7 Blend phonemes (sounds) to form single syllable words.

	BI 2.2.4 Name letters of the alphabet.	
BI 2.3 Understanding of a texts in the form of print and non print materials	Pupils are able to: BI 2.3.1 Recognise and read logos and signs BI 2.3.2 Read familiar words printed in the surroundings	Pupils are able to: BI 2.3.3 Recognise and read high frequency/sight words. BI 2.3.4 Read simple phrases. BI 2.3.5 Read simple sentences.
BI 2.4 Develop interest in reading independently for information and enjoyment.	Pupils are able to: 2.4.1 Recognise and name pictures in the book.	Pupils are able to: 2.4.2 Read texts independently. 2.4.3 Read and respond to texts read.

Di antara kedua-dua pendekatan ini, kaedah fonik menjadi pilihan pengkaji. Ia menjadi pilihan bukan kerana popularitinya, tetapi kerana ia berkesan untuk membantu murid-murid membaca (Galuschka *et al.*, 2014; Dessemontet *et al.*, 2019).

Teknologi dan media interaktif merupakan alat yang dapat menggalakkan perkembangan dan pembelajaran secara berkesan apabila ia digunakan secara khusus atau untuk tujuan tertentu (Donohue & Schomburg, 2012). Selain itu, menurut Syed Lamsah dan Melor (2019) teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) telah memudahkan dan menjadikan aktiviti PdPc menjadi lebih menarik. Menerusi kajian yang dijalankan oleh Rashidah *et al.*, (2014) pula, penggunaan unsur-unsur teknologi komputer akan dapat melatih anak menjadi pintar dalam pengembangan alat teknologi pendidikan pada masa ini.

Dengan mengambil kira kebaikan teknologi maklumat sebagai bahan bantu mengajar, pembangunan perisian fonik Bahasa Inggeris dilaksanakan menerusi kajian ini. Pembangunan perisian ini bukan sahaja akan membantu guru-guru menyampaikan kaedah fonik dengan lebih berkesan, akan tetapi ia turut menyokong Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2012-2025) melalui dua daripada ‘Sebelas Anjakan Utama Untuk Mentransformasi Sistem Pendidikan Negara, iaitu; (2) Memastikan setiap murid menguasai kemahiran dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dan digalakkan mempelajari bahasa tambahan; dan (7) Memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM], 2013).

Pernyataan Masalah

Kemahiran membaca merupakan kemahiran terpenting di dalam pembelajaran bahasa terutamanya bagi pembelajaran *English as Second Language* (ESL) kerana ia merupakan sumber penting untuk memahami input di dalam pembelajaran bahasa (Ghazizadeh & Fatemipour, 2017). Kemahiran ini perlu dikuasai untuk mengurangkan risiko masalah membaca dan kesan-kesan lain. Walau bagaimanapun, risiko ini boleh dikurangkan oleh guru Bahasa Inggeris dengan mencari kaedah membaca yang terbaik serta sesuai digunakan untuk mengatasinya. Kaedah yang cukup popular di kalangan guru-guru di seluruh dunia ialah kaedah fonik.

Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, kaedah fonik merupakan pendekatan baharu bagi pengajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua di Malaysia (Prasad *et al.*, 2016). Walaupun baharu, ia boleh dilaksanakan dengan berkesan sekiranya mengikut panduan. Kajian yang dijalankan oleh *NSW Department of Education and Training, Learning and Development* (2009) mendapati bahawa pengajaran kaedah fonik ini dapat diperkukuhkan dengan menggabungkannya dengan penggunaan teknologi. Saranan ini selari dengan hasrat

KPM melalui KSPK (Semakan 2017) yang menyasarkan penggunaan ICT oleh guru prasekolah di bilik darjah. Selain itu, penggunaan teknologi dalam pengajaran dapat membantu serta menyumbang kepada pembelajaran yang lebih cekap dan berkesan (KPM, 2016).

Walaupun penggunaan ICT digalakkan penggunaannya di kalangan guru-guru, isu lain yang wujud ialah terdapat ramai guru yang keliru tentang terma fonik dan kurang pengetahuan asas tentang penggunaan fonik secara sistematik serta cara untuk melaksanakan kaedah ini di dalam kelas (Mullins, 2013). Ini dikuatkan lagi dengan penemuan kajian oleh Nadiah Yan *et al.*, (2015) yang menyatakan bahawa terdapat responden yang mengakui tidak biasa dengan pendekatan fonik malah tidak pernah menggunakan pendekatan ini di dalam pengajaran mereka. Bahkan, kajian yang telah dijalankan oleh Naning Tri Wahyuni *et al.* (2016) juga mendapati bahawa guru tidak mahir mengajar kaedah ini di kelas. Justeru, amatlah wajar pembangunan perisian ini memberi penyelesaian kepada masalah penguasaan bahasa oleh guru-guru prasekolah.

Selain itu, masalah lain yang wujud ialah kaedah pengajaran guru kurang merangsang minat murid untuk membaca khususnya bagi Tunjang Bahasa (Inggeris). Kaedah pengajaran di kelas prasekolah masih berorientasikan guru, tanpa memberi peluang kepada murid untuk meneroka (Mardziah *et al.*, 2017). Hal ini berlaku disebabkan oleh program LINUS di peringkat aliran perdana menekan guru-guru prasekolah supaya menekankan penguasaan 4M iaitu kemahiran membaca, menulis, mengira dan menaakul. Akibatnya, murid-murid prasekolah hanya belajar secara formal tanpa menerapkan elemen belajar sambil bermain (Mardziah *et al.*, 2017) pendekatan bersepadu, pendekatan tematik dan sebagainya (Chee *et al.*, 2015).

Hakikatnya, guru perlu akur bahawa mereka kini sedang berdepan dengan Generasi Alpha, atau juga dikenali dengan Anak Jati Digital ini ialah mereka mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang canggih di dalam teknologi kerana ia merupakan sebahagian dari kehidupan mereka (Benett *et al.*, 2008; Reis, 2018). Justeru, penggunaan teknologi di dalam kelas prasekolah perlu dilaksanakan untuk meningkatkan kemahiran membaca kanak-kanak khususnya bagi Tunjang Bahasa Inggeris.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk mencapai matlamat seperti berikut:

- i) Menilai kandungan pembelajaran perisian fonik Bahasa Inggeris *Come and Read, Sayang!* supaya menepati Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan(KSPK).
- ii) Menilai kebolegunaan perisian fonik Bahasa Inggeris *Come and Read, Sayang!* sebagai bahan bantu mengajar guru prasekolah.

Persoalan Kajian

- i) Adakah kandungan pembelajaran perisian fonik Bahasa Inggeris *Come and Read, Sayang!* menepati Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK)?
- ii) Adakah perisian fonik Bahasa Inggeris *Come and Read, Sayang!* boleh digunakan sebagai bahan bantu mengajar guru prasekolah?

METODOLOGI

Model Instruksional ADDIE digunakan untuk membangunkan perisian ini. Model Instruksional ADDIE dipilih kerana ia merupakan sebuah model reka bentuk dan pembangunan yang sering menjadi rujukan pengkaji yang membangunkan kajian reka bentuk dan pembangunan. Branch (2009) menjelaskan *ADDIE* sebagai singkatan bagi *Analyze, Design, Develop, Implement* dan *Evaluate*, iaitu proses yang digunakan untuk mereka bentuk instruksional untuk menghasilkan satu episod pembelajaran yang mempunyai tujuan khusus.

Reka bentuk Kajian

Pendekatan kuantitatif digunakan sebagai reka bentuk kajian ini. Menurut Bryman (2012), penyelidikan kuantitatif didefinisikan sebagai kaedah *deductivist, objectivist* dan *positivist* yang melibatkan angka dan pentaksiran di dalam proses mengumpul dan menganalisis data. Justeru, data dikumpulkan daripada responden dengan menggunakan instrumen soal selidik dan ia dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Science Social* (SPSS).

Sampel Kajian

Jenis pensampelan yang digunakan di dalam kajian ini ialah pensampelan bertujuan. Jenis pensampelan ini adalah merujuk kepada Kothari (2004) yang menyatakan bahawa dengan menggunakan jenis pensampelan ini, pengkaji sengaja memilih nombor-nombor tertentu untuk membentuk sampel atau mewakili seluruh populasi. Menurut Bernard (2002), Lewis dan Sheppard (2006) pula, penyelidik memutuskan apa yang hendak diketahui dan membuat ketetapan untuk mencari orang yang boleh dan bersedia memberi maklumat berdasarkan pengetahuan dan pengalaman mereka

Pengkaji memilih populasi guru prasekolah di Daerah Kuantan sebagai responden kajian ini. Ini kerana kriteria sampel memenuhi keperluan kajian dan sampel ini berpotensi untuk memberi pandangan tentang perkara dikaji, iaitu keperluan membina perisian fonik Bahasa Inggeris *Come and Read, Sayang!* Paling penting, mereka ini telah mempunyai pengetahuan asas di dalam pengajaran kaedah fonik Bahasa Inggeris di kelas prasekolah masing-masing. Seramai 34 orang guru prasekolah di Zon Juara pula dipilih untuk melibatkan diri di dalam kajian lapangan di bawah Fasa Perlaksanaan.

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan untuk menilai kebolegunaan reka bentuk dan kandungan Perisian Fonik *Come and Read, Sayang!* adalah berbentuk soal selidik. Tujuan pelaksanaan instrumen ini adalah untuk mendapatkan maklum balas daripada pakar dan guru prasekolah tentang reka bentuk perisian serta tentang kandungan pelajaran perisian Fonik Bahasa Inggeris *Come and Read, Sayang!* Instrumen soal selidik ini diadaptasi daripada kajian Chin *et al.* (1988) dan Rashidah (2017).

Instrumen soal selidik kebolegunaan berbentuk tertutup yang menggunakan dua jenis skala respons, iaitu diktomi dan skala respons selangar. Skala respons selangar digunakan untuk mendapatkan maklum balas mengenai reka bentuk perisian. Responden perlu menyatakan persetujuan mereka ke atas item berdasarkan skala likert sembilan poin. Manakala skala respons diktomi pula digunakan untuk mendapatkan pandangan responden tentang kandungan pelajaran perisian fonik Bahasa Inggeris *Come and Read, Sayang!* Responden hanya perlu memilih jawapan 'sesuai' atau 'tidak sesuai' sahaja.


Prosedur Pengumpulan Data

Proses pengumpulan di bawah fasa ini dijalankan untuk mendapatkan maklum balas daripada responden mengenai reka bentuk dan kandungan pembelajaran serta pandangan terhadap perisian fonik Bahasa Inggeris *Come and Read, Sayang!*

Peringkat pertama dimulakan dengan menghubungi pegawai di PPD Kuantan yang menyelia prasekolah untuk mendapatkan tarikh guru-guru prasekolah bermesyuarat atau berbengkel. Tujuannya adalah untuk mendapatkan kebenaran bagi melaksanakan bengkel bagi melatih guru prasekolah menguji dan menggunakan perisian fonik ini.

Walaupun, ia diubah kepada penilaian secara sendiri apabila kaedah pertama tidak berjalan lancar. Seramai 34 orang guru prasekolah dari Zon Juara di Daerah Kuantan menyatakan persetujuan untuk menilai kebolegunaan perisian ini secara sendiri. Oleh itu, rakaman video tentang cara penggunaan perisian dan memuat naik video tersebut di Youtube melalui pautan berikut: https://www.youtube.com/watch?v=JqU_e0a5FXg&t=53s.

Pautan video ini bersama-sama dengan pemasangan (*installer*) dan manual penggunaan perisian diedarkan secara atas talian ke kumpulan *Whatsapp* guru prasekolah Daerah Kuantan (Zon Juara). Penerangan secara ringkas tentang apa yang perlu mereka lakukan sebelum menggunakan perisian diberikan dalam bentuk poin kerana penjelasan tentang penggunaan telah divideokan dan pautan juga telah diberikan. Rajah 1 menunjukkan carta alir bagi proses pengumpulan data kajian ini.



Rajah 1. Carta Alir Proses Pengumpulan Data

Kaedah Analisis Data

Dapatan kajian dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS untuk mendapatkan nilai min, nilai skor min dan sisihan piawai bagi setiap item. Keputusan yang diperolehi dari data ini pula digunakan untuk menjawab soalan kajian dan dijelaskan menerusi tajuk seterusnya.

DAPATAN KAJIAN

Terdapat 11 item di bawah Konstruk Kandungan Pelajaran Perisian Fonik Bahasa Inggeris *Come and Read, Sayang!* Konstruk ini mempunyai skor min keseluruhan sebanyak 0.99 dengan nilai sisihan piawai 0.09. Seramai 34 orang responden telah memberi maklum balas mereka ke atas item-item ini dengan memilih ‘Sesuai’ atau ‘Tidak Sesuai’. Analisis item-item ini adalah penjelasan untuk menjawab persoalan kajian yang ketiga, iaitu, ‘Adakah kandungan pembelajaran perisian fonik Bahasa Inggeris *Come and Read, Sayang!* menepati standard Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK)?’ Dapatan kajian bagi konstruk ini adalah seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 2.

Berdasarkan Jadual 2, item 33, 34, 36, 37, 38, 39, 41, 42, dan 43 mempunyai frekuensi tertinggi iaitu 100% responden memilih ‘Sesuai’ sebagai maklum balas ke atas item-item ini. Item ‘Kandungan pelajaran kuiz seperti *What Am I? My Beginning Sound dan My Ending Sound* di dalam Fasa 2 (*Phase 2*) adalah menepati standard pembelajaran KSPK’ pula mempunyai frekuensi sebanyak 97.1% atau 33 orang responden telah memilih ‘Sesuai’ sebagai respon mereka ke atas item ini, manakala seorang responden (2.9%) pula memilih ‘Tidak Sesuai’ sebagai reaksi ke atas item ini. Bagi item ‘Kandungan Pelajaran 2: (*Lesson 2*) seperti *phone, bench, soap* di dalam Fasa 3 (*Phase 3*) menepati standard pembelajaran KSPK’ pula, frekuensi yang memilih ‘Sesuai’ adalah seramai 32 orang (94.1%) manakala frekuensi ‘Tidak Sesuai’ adalah seramai dua orang (5.9%). Justeru, 11 item di bawah dimensi ini mendapat frekuensi tinggi dan telah mengesahkan bahawa Kandungan Perisian fonik Bahasa Inggeris *Come and Read, Sayang!* menepati standard Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK).

Jadual 2

Taburan Responden bagi Konstruk Kandungan Pelajaran Perisian Fonik Bahasa Inggeris Come and Read, Sayang!

No	Item	Skala		Min	Sisihan Piawai
		Sesuai (%)	Tidak Sesuai (%)		
33	Kandungan pelajaran Pelajaran 1 (<i>Lesson 1</i>) sebutan huruf-bunyi seperti <i>aa, buh, cuh</i> di dalam Fasa 1 (<i>Phase 1</i>) adalah menepati standard	34 100%	-	1.00	.00
34	Kandungan pelajaran Pelajaran 2 (<i>Lesson 2</i>) bagi sebutan bunyi awalan seperti ‘ <i>c is for cat</i> ’ di dalam Fasa 2 (<i>Phase 2</i>) adalah menepati standard pembelajaran KSPK.	34 100%	-	1.00	.00
35	Kandungan pelajaran kuiz seperti <i>What Am I?, My Beginning Sound dan My Ending Sound</i> di dalam Fasa 2 (<i>Phase 2</i>) adalah menepati standard pembelajaran KSPK	33 97.1%	1 2.9%	.97	.17
36	Kandungan pelajaran Pelajaran 1 (<i>Lesson 1</i>)	34	-	1.00	.00000

	seperti <i>ba, hi, to, ne, ru</i> di dalam Fasa 2 (Phase 2) menepati standard pembelajaran KSPK.	100%			
37	Kandungan pelajaran Pelajaran 2 (Lesson 2) seperti <i>dad, rat, bun</i> di dalam Fasa 2 (Phase 2) adalah menepati standard pembelajaran KSPK	34	-	1.00	.00000
		100%			
38	Kandungan pelajaran kuiz seperti <i>Guess Me, Pick Me, Arrange Me</i> di dalam Fasa 2 (Phase 2) adalah menepati standard pembelajaran KSPK.	34	-	1.00	.00000
		100%			
39	Kandungan Pelajaran 1 (Lesson 1) seperti <i>car, boo, sui</i> di dalam Fasa 3 (Phase 3) adalah menepati standard pembelajaran KSPK.	34	-	1.00	.00000
		100%			
40	Kandungan Pelajaran 2: (Lesson 2) seperti <i>phone, bench, soap</i> di dalam Fasa 3 (Phase 3) menepati standard pembelajaran KSPK.	32	2	.94	.23883
		94.1%	5.9%		
41	Kandungan pelajaran kuiz seperti <i>Rearrange Me, Sort Me, Choose Me</i> di dalam Fasa 3 (Phase 3) adalah menepati standard pembelajaran KSPK.	34	-	1.00	.00000
		100%			
42	Kandungan Pelajaran 4 (Lesson 4) seperti <i>left, nest, flag</i> di dalam Fasa 4 (Phase 4) adalah menepati standard pembelajaran KSPK.	34	-	1.00	.00000
		100%			
43	Kandungan pelajaran kuiz seperti <i>Fun Bunny, Arrange Me 2, Let's Colour!</i> di dalam Fasa 4 (Phase 4) adalah menepati standard pembelajaran KSPK.	34	-	1.00	.00000
		100			
Min Keseluruhan				0.99	0.09

Analisis Data Pandangan Keseluruhan Terhadap Perisian Fonik Bahasa Inggeris *Come and Read, Sayang!*

Konstruk Pandangan Keseluruhan Terhadap Perisian Fonik Bahasa Inggeris *Come and Read Sayang!* pula mempunyai mengandungi lima item. Konstruk ini mempunyai skor min keseluruhan 0.98 dengan nilai sisihan piawai 0.13. Responden diberi dua pilihan skala persetujuan iaitu 1 untuk sesuai dan 0 untuk tidak sesuai. Enam item ini dapat menjawab persoalan kajian yang keempat, iaitu, 'Adakah perisian fonik Bahasa Inggeris *Come and Read, Sayang!* dapat digunakan sebagai bahan bantu mengajar guru prasekolah?' Dapatan analisis data dijelaskan seperti yang terdapat di dalam Jadual 3.

Berdasarkan Jadual 3, item 'Perisian Fonik Bahasa Inggeris *Come and Read, Sayang!* sesuai untuk pembelajaran kemahiran membaca Bahasa Inggeris murid prasekolah' mempunyai frekuensi 100%. Ini menunjukkan bahawa seramai 34 orang responden memberi maklum balas bahawa item ini sesuai untuk pembelajaran kemahiran membaca Bahasa Inggeris murid prasekolah. Begitu juga dengan item 'kandungan Perisian Fonik Bahasa Inggeris *Come and Read, Sayang!* sesuai dengan pengetahuan sedia ada murid prasekolah', frekuensi bagi item ini adalah 100%. Ini bermakna bahawa 34 orang responden memilih sesuai sebagai maklum balas mereka ke atas item ini.

Seterusnya, bagi item 'Secara keseluruhan, Perisian Fonik Bahasa Inggeris *Come and Read, Sayang!* sesuai digunakan untuk meningkatkan kemahiran membaca Bahasa Inggeris murid prasekolah', 34 orang responden (100%) memilih respon sesuai. Bagi item 'Secara keseluruhan, Perisian Fonik Bahasa Inggeris *Come and Read, Sayang!* sesuai digunakan

sebagai bahan bantu mengajar guru prasekolah, 100% atau 34 orang responden telah memilih ‘sesuai’ sebagai respon mereka ke atas item ini. Justeru, keempat-empat item di atas mempunyai kekerapan tertinggi dengan skor min 1.00 dan sisihan piawai .00.

Item ‘Secara keseluruhan, Perisian Fonik Bahasa Inggeris *Come and Read, Sayang!* sesuai digunakan untuk meningkatkan kemahiran membaca Bahasa Inggeris murid prasekolah’ pula mempunyai frekuensi terendah, iaitu 91.2% atau 31 orang responden yang memilih respon ‘Sesuai’ manakala baki seramai tiga orang (8.8%) memilih ‘Tidak Sesuai’. Selain itu, bagi item ‘Perisian Fonik Bahasa Inggeris *Come and Read, Sayang!* menepati dengan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) pula, seramai 33 orang responden (97.1%) memilih ‘Sesuai’, manakala baki seorang responden (2.9%) telah memilih ‘Tidak Sesuai sebagai respon ke atas item ini. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa kelima-lima item di bawah dimensi Pandangan Keseluruhan Terhadap Perisian Fonik Bahasa Inggeris *Come and Read Sayang!* dipersetujui oleh seramai 34 orang responden bahawa perisian fonik Bahasa Inggeris *Come and Read, Sayang!* ini dapat digunakan sebagai bahan bantu mengajar guru prasekolah.

Jadual 3

Analisis Dimensi Pandangan Keseluruhan Terhadap Perisian Fonik Bahasa Inggeris Come and Read, Sayang!

No	Item	Skala		Min	Sisihan Piawai
		Sesuai (%)	Tidak Sesuai (%)		
44	Perisian Fonik Bahasa Inggeris <i>Come and Read, Sayang!</i> menepati dengan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK).	33 97.1%	1 2.9%	.97	.17
45	Perisian Fonik Bahasa Inggeris <i>Come and Read, Sayang!</i> sesuai untuk pembelajaran kemahiran membaca Bahasa Inggeris murid prasekolah.	34 100%	-	1.00	.00
46	Kandungan Perisian Fonik Bahasa Inggeris <i>Come and Read, Sayang!</i> sesuai dengan pengetahuan sedia ada murid prasekolah.	34 100%	-	1.00	.00
47	Secara keseluruhan, Perisian Fonik Bahasa Inggeris <i>Come and Read, Sayang!</i> sesuai digunakan untuk meningkatkan kemahiran membaca Bahasa Inggeris murid prasekolah.	31 91.2%	3 8.8%	.91	.29
48	Secara keseluruhan, Perisian Fonik Bahasa Inggeris <i>Come and Read, Sayang!</i> sesuai digunakan sebagai bahan bantu mengajar guru prasekolah	34 100%	-	1.00	.00
Min Keseluruhan				0.98	0.13

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Perbincangan dapatan ini adalah tentang kesesuaian penggunaan perisian Fonik Bahasa Inggeris *Come and Read, Sayang!* sebagai bahan bantu mengajar guru prasekolah. Peranan perisian multimedia amat penting dalam menggalakkan pembelajaran interaktif di dalam kelas seperti yang dinyatakan oleh Razana *et al.* (2014) iaitu pelajar akan menjadi lebih aktif kerana penggunaan perisian multimedia menyediakan antara muka yang menggalakkan interaktiviti dan fleksibiliti. Malah, penggunaan perisian ini meminimumkan peranan guru

dalam proses pengajaran, seperti mengulang penerangan dan tunjuk ajar. Justeru, amat wajar perisian ini dipersetujui sebagai sesuai digunakan sebagai bahan bantu mengajar prasekolah.

Implikasi terhadap Teori

Teori yang digunakan di dalam kajian ini ialah *Dual Coding Theory* (DCT). DCT dicadangkan oleh Allan Paivio dan teori ini mengandaikan terdapat dua subsistem kognitif, satu dikhususkan untuk mewakili dan memproses objek bukan lisan seperti imej visual dan satu lagi subsistem yang berkait secara langsung dengan bahasa. Paivio (2006) menyatakan bahawa pembaca awal (kanak-kanak) akan belajar membaca perkataan konkrit dengan lebih mudah apabila perkataan tersebut diiringi dengan gambar rujukan berbanding perkataan yang hanya dipasangkan dengan sebutan sahaja. Menerusi kajian ini, dapatlah diringkaskan bahawa pembinaan perisian yang menggabungkan elemen multimedia juga sebenarnya terhasil berpandukan DCT.

Hasil kajian yang dijalankan oleh Farley *et al.* (2014) ke atas 97 orang pelajar Sepanyol yang mempelajari bahasa kedua dengan menguji Teori Dual Coding telah menunjukkan dapatan bahawa gabungan perkataan abstrak bersama gambar mempunyai kesan yang signifikan ke atas ingatan mereka ketika ujian serta-merta dijalankan tetapi tidak ada kesan yang signifikan dikesan apabila ujian ditangguhkan. Ini membuktikan bahawa penggunaan perkataan abstrak bersama gambar mempunyai kesan yang signifikan ke atas gambaran memori serta membantu ingatan jangka pendek. Oleh yang demikian, dapatan kajian ini telah menyokong ramalan DCT bahawa kesan konkrit boleh diwujudkan ke atas perkataan abstrak dengan menggabungkan kedua-duanya melalui imej visual (Farley *et al.*, 2014).

Tujuan penggunaan elemen multimedia telah banyak diulas oleh pengkaji-pengkaji sebelumnya, malah ia memang menggalakkan pembelajaran murid prasekolah khususnya dan murid yang menjadi sasaran kajian umumnya. Penilaian keberkesanan penggunaan elemen multimedia ke atas pencapaian murid prasekolah tidak dikaji di dalam penyelidikan ini. Walau bagaimanapun, maklum balas positif yang diterima menerusi ujian kebolegunaan yang dijalankan di bawah Fasa Perlaksanaan telah membuktikan perisian ini diterima dengan baik oleh guru prasekolah sebagai bahan bantu mengajar mereka.

Justeru, dapat disimpulkan bahawa kajian ini merupakan satu lagi evidens yang mengukuhkan teori DCT di dalam pembelajaran membaca murid-murid prasekolah. Kaedah pengajaran guru yang menggabungkan lisan dan citra, di dalam konteks kajian ini, penggunaan perisian fonik Bahasa Inggeris *Come and Read*, Sayang! akan membolehkan murid-murid prasekolah belajar dengan lebih cepat berbanding kaedah lain.

Implikasi terhadap Metodologi

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang membangunkan sebuah perisian fonik Bahasa Inggeris dengan berpandukan Model Instruksional ADDIE. Lima prosedur yang diringkaskan sebagai ADDIE (*Analyze, Design, Develop, Implement, Evaluate*) telah dilaksanakan menerusi kajian ini. Secara ringkasnya, pematuhan ke atas lima prosedur ini berjaya menghasilkan sebuah perisian fonik Bahasa Inggeris sebagai bahan bantu mengajar yang berkualiti dan menepati Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan. Ia selari dengan

penjelasan oleh *Online Learning and Distance Education Resources* (2014), iaitu kejayaan model ini adalah kerana ia sangat berkaitan dengan reka bentuk yang berkualiti, dengan objektif pembelajaran yang jelas, isi disusun dengan teliti, beban kerja terkawal untuk fakulti dan pelajar, media bersepadu, aktiviti pelajar yang relevan, dan penilaian sangat berkaitan dengan hasil pembelajaran yang diinginkan. Kajian ini adalah selari beberapa kajian lepas yang telah menggunakan Model Instruksional ADDIE untuk membangunkan modul atau produk lain dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak (Juppri & Zainiah, 2016; Juppri *et al.*, 2016; Juppri *et al.*, 2020; Rashidah, 2017).

Implikasi terhadap Polisi dan Amalan

Pihak pertama yang menerima kebaikan daripada pembangunan perisian ini ialah guru prasekolah. Dengan menggunakan perisian ini di dalam kelas, ia sebenarnya dapat meningkatkan kemahiran guru-guru prasekolah mengendalikan bahan bantu mengajar dengan menggunakan perisian multimedia. Malah, guru hanya perlu bertindak sebagai fasilitator ketika murid-murid menggunakan perisian ini di kelas. Guru yang kurang berkemahiran menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa perantara di dalam kelas juga dapat menarik nafas lega kerana perisian ini sendiri menggunakan Bahasa Inggeris sepenuhnya sebagai medium perantaraan. Guru hanya bertindak menjelaskan apa yang tidak difahami murid-murid sahaja. Ia secara tidak langsung dapat menyelesaikan isu yang dibangkitkan oleh Mullins (2013), iaitu terdapat ramai guru yang keliru tentang terma fonik dan kurang pengetahuan asas tentang penggunaan fonik secara sistematik serta cara untuk melaksanakan kaedah fonik ini di dalam kelas.

KESIMPULAN

Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk membangunkan dan menilai sebuah perisian fonik Bahasa Inggeris yang dinamakan sebagai *Come and Read, Sayang!* sebagai bahan bantu mengajar guru prasekolah. Perisian ini telah dibangunkan secara sistematik dengan berpandukan kepada model reka bentuk instruksional *ADDIE*. Berdasarkan dapatan kajian ini, dapatlah dirumuskan secara keseluruhan bahawa pembangunan perisian ini adalah menepati KSPK. Ia juga sesuai digunakan sebagai bahan bantu mengajar guru prasekolah untuk mengajar kaedah fonik kepada murid-murid prasekolah. Walau bagaimanapun, kesuntukan masa telah menyebabkan pengkaji tidak dapat melihat dengan lebih mendalam keberkesanan perisian ini atas pencapaian membaca Bahasa Inggeris murid. Justeru, pengkaji yang berminat untuk memanjangkan penyelidikan ini boleh berbuat demikian dengan melaksanakan kajian eksperimental di kelas prasekolah.

RUJUKAN

- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2012). *Buku Panduan Kemahiran Menaakul*. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Benett, S., Maton, K. A., & Kervin, L. (2008). The digital natives' debate: A critical review of evidence. *Research Online: University of Wollongong*.
- Bernard, H. R. (2002). *Research methods in anthropology: Qualitative and quantitative methods* (3rd edition). AltaMira Press.
- Branch, R. M. (2009). *Instructional design: The ADDIE approach*. Springer Science + Business Media.
- Bryman, A. (2012). *Social research methods* (4th ed.). Oxford University Press.

- Chee, J., Mariani Mohd Nor, Nor Mashitah Mohd Radzi, Che' Mah Yusof, Abdullah Kadir, & Shahrul Nizam Salim. (2015). The preschool curriculum implementation versus problems. *Southeast Asia Early Childhood Journal*, 4, 31-42.
- Chin, J. P., Diehl, V. A., & Norman, K. L. (1988). Development of an Instrument Measuring User Satisfaction of the Human-Computer Interface. *Proceedings of ACM CHI'88 Conference on Human Factors in Computing Systems*, (pp. 213-218).
- Dessemontet, R. S., Martinet, C., Chambrier, A. F. D., Martini-Willemin, B. M., & Audrin, C. (2019). A meta-analysis on the effectiveness of phonics instructions for teaching decoding skills to students with intellectual disability. *Educational Research Review*, 52-70.
- Donohue, C., & Schomburg, R. (September, 2012). *NAEYC*.
<https://www.naeyc.org/resources/pubs/yc/sep2017/technology-and-interactive-media>
- Farley, A., Pahom, O., & Ramonda, K. (2014). Is a picture worth a thousand words? Using images to create a concreteness effect for abstract words: Evidence from beginning L2 learners of Spanish. *American Association of Teachers of Spanish and Portuguese: Hispania*, 97(4), 634-650.
- Galuschka, K., Ise, E., Krick, K., & Schulte-Korne, G. (2014). Effectiveness of treatment approaches for children and adolescent with reading disabilities: A meta-analysis of randomized controlled trials. *PLOS ONE*, 12.
- Ghazizadeh, T., & Fatemipour, H. (2017). The effect of blended learning on EFL learners' reading proficiency. *Journal of Language Teaching and Research*, 606-614.
- Juppri Bacotang, & Zainiah Mohamed Isa. (2016). Pembangunan Modul Literasi Awal (Modul Lit-A) untuk kanak-kanak taska. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 5(1), 30-48.
- Juppri Bacotang, Zainiah Mohamed Isa, Mazlina Che Mustafa, & Siti Farhana Md. Yasin. (2020b). The development of Early Literacy Skills Indicators (ELSI) for children aged 3+ to 4+ years. *International Journal of Psychosocial Rehabilitation*, 24(5), 632-644. <https://doi.org/10.37200/IJPR/V24I5/PR201729>
- Juppri Bacotang, Zainiah Mohamed Isa, Mazlina Che Mustafa, Mahzan Arshad, & Ainon Omar. (2016). Aplikasi Model ADDIE dalam pembangunan Modul Literasi Awal (Modul Lit-A) untuk awal kanak-kanak. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 5(2), 1-10.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). <https://www.moe.gov.my/index.php/my/dasar/pelan-pembangunan-pendidikan-malaysia-2013-2025>
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2016). *Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (Semakan 2017)*. <https://moe.gov.my/index.php/my/kurikulum/prasekolah>
- Kothari, C. (2004). *Research methodology methods & techniques*. New Age International (P) Limited, Publishers.
- Lewis, J. L., & Sheppard, S.R.J. (2006). Culture and communication: Can landscape visualization improve forest management consultation with indigenous communities? *Landscape and Urban Planning* 77, 291-313.
- Ling-Ying, H. (2014). Learning to read with the Whole Language Approach: The teacher's view. *Canadian Center of Science and Education: English Language Teaching*, 5(7).
- Mardziah Abdullah, Mariani Mohd Nor, Damaety, F., & Chee, J. (2017). Teaching approaches in the classroom among preschool teachers. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 748-755.
- Marlina, R. (2018). Teaching language skills. *The TESOL Encyclopedia of English Language Teaching*, 1-15.
- Marima, E. W. (2016). A survey of approaches used in teaching reading in early childhood classes in Dagoretti and Westlands Divisions, Nairobi County, Kenya. *Journal of Education and Practice*, 207-211.
- Mohd Nazri Abdul Rahman, & Wan Nurul Baizura Wan Mohamad Noor. (2018). Pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan Semakan 2017: Retrospeksi guru. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 60-71.
- Mullins, A. K. (2013, December). University Of Toledo.
http://rave.ohiolink.edu/etdc/view?acc_num=toledo1370199535
- Nadiah Yan Adullah, Napisah Kepol, & Mariyatunnitha Shari. (2014). Implementing the teaching of phonics in Malaysain primary schools. *AJELP: The Asian Journal of English Language and Pedagogy*, 1-16.
- Naning Tri Wahyuni, Endang Fauziati, & Mauliy Hikmah. (2016). The effectiveness of using phonics instruction and storybook in English reading classes to improve student participation. *Jurnal Penelitian Humaniora*, 49-64.
- NSW Department of Education and Training, Learning and Development. (2009). *Literacy teaching guide: Phonics*. New South Wales Dept. of Education and Training.

- Online Learning and Distance Education Resources. (2014). *Is the ADDIE model appropriate for teaching in a digital age?* <https://www.tonybates.ca/2014/09/09/is-the-addie-model-appropriate-for-teaching-in-a-digital-age/>
- Paivio, A. (2006). Dual coding theory and education. *Draft chapter for the conference on "Pathways to Literacy Achievement for High Poverty Children,"* The University of Michigan School of Education, September 29-October 1.
- Pang, E. S., Muaka, A., Bernhardt, E. B., & Kamil, M. L. (Jan, 2003). *Teaching reading*. <https://www.iaaed.org/downloads/prac12e.pdf>
- Prasad, R. D., Nooreiny Maarof, & Hamidah Yamat. (2016). Implementing phonics in Malaysia. *International Journal of English Language Teaching and Linguistics*, 1-18.
- Rashidah Elias. (2017). *Keberkesanan KitAB Cerdas terhadap pencapaian bacaan awal kanak-kanak taska*. Tesis. Tg. Malim, Perak, Malaysia: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rashidah Elias, Mahani Razali, & Mahizer Hamzah, (2014). The effectiveness of KitAB Cerdas on children's reading ability. *Southeast Asia Early Childhood Journal*, 3, 56-69.
- Razana Baharudin, Noriza Nayan, Nur Saadah Fathil, Ahmad Suhaimi Mohd Noor, Saridan Abd Hamid., Azman Uyub, & Abd Harith Hasan. (2014). Pembangunan perisian Multimedia Interaktif: Seni Anyaman Melayu. *Journal of ICT in Education*, 73-86.
- Reis, T. A. (2018). Study on the alpha generation and the reflections of its behavior in the organizational environment. *Journal of Research in Humanities and Social Science*, 09-19.
- Syed Lamsah Syed Chear, & Melor Md Yunus, (2019). Strategi penerapan kemahiran abad ke-21 dalam latihan guru prasekolah. *Southeast Asia Early Childhood Journal*, 8(1), 1-10.